

# Dua Guru SMK Mutiara Naik Pangkat



**Labuan, 27 Julai** – Warga SMK Mutiara mengucapkan tahniah atas kejayaan dua guru SMK Mutiara maju setapak lagi dalam kerjaya sebagai guru. Puan Teo Geok Lin dan Puan Mary Bong menerima surat kenaikan pangkat masing-masing daripada Pengarah Pendidikan W. P. Labuan, Puan Khaziyati binti Osman pada Isnin.

Puan Teo Geok Lin yang juga merupakan Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) Sains Kemanusiaan di sekolah ini menerima surat kenaikan pangkat daripada gred DG44 ke Gred DG48 Khas Untuk Penyandang (KUP). Manakala Puan Mary Bong pula menerima surat kenaikan pangkat daripada gred DG41 ke Gred DG44(KUP). Kedua-dua guru telah layak dinaikkan pangkat secara Time-based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK).

Ketika mengulas penerimaan surat kenaikan pangkat tersebut, Puan Teo Geok Lin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak terutamanya warga SMK Mutiara yang telah banyak memberi kerjasama dan sokongan sepanjang

perkhidmatan beliau di sekolah ini selama 25 tahun.



Puan Teo Geok Lin menerima surat kenaikan pangkat daripada Puan Khaziyati

Cik Mary Bong pula menyifatkan kenaikan pangkat ini merupakan satu suntikan semangat untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang pada masa akan datang. Beliau juga telah menyumbang bakti di SMK Mutiara selama 18 tahun.

Surat kenaikan pangkat telah diserahkan oleh Pengarah Pendidikan W.P Labuan, Puan Khaziyati Osman dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Terbuka, Pusat Kokurikulum Negeri di Merinding. Seramai 68 guru dan Pegawai Khidmat Pelaksana (PKP) penerima terlibat dalam kenaikan pangkat tahun ini.

Dalam ucapannya, Puan Khaziyati Osman yang baru dilantik sebagai Pengarah Pendidikan W.P Labuan ke-7 berharap agar kenaikan pangkat akan menjadi inspirasi ke arah perkhidmatan yang lebih cemerlang.

*"Semakin tinggi pangkat, semakin besar tanggungjawab kita. Kita mesti mampu menterjemah dan melaksana semua dasar KPM untuk meningkatkan kualiti sekolah dan*

*kemenjadian murid. Berilah contoh terbaik kepada rakan sekerja melalui kepimpinan melalui teladan” tambah beliau lagi.*



Puan Khaziyati menyampaikan surat kenaikan pangkat kepada Cik Mary Bong

Pengetua SMK Mutiara, Mohd Nizam bin Yasim turut hadir meraikan guru-guru berkenaan. Beliau menyifatkan kedua-dua guru sangat komited dan telah memberi khidmat terbaik sepanjang berkhidmat di SMK Mutiara.

*“Kedua-dua guru adalah sangat layak untuk kenaikan pangkat ini. Semoga mereka terus memberi perkhidmatan cemerlang dan menjadi contoh kepada guru-guru yang lain” tambah beliau.*

Turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Encik Yusup bin Mohamad dan Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah, Puan Maimoon binti Mat Noh.

**Berita Oleh : SMK Mutiara**